

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 3, 2019 4:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pemantapan Akademik Dan Sahsia Pelajar Dedah Cabaran Alam Pekerjaan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

3 MAC 2019 / 26 JAMADILAKHIR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

BENGGEL PEMANTAPAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR DEDAH CABARAN ALAM PEKERJAAN



UUM ONLINE: Bagi membuka mata dan minda pelajar tentang dunia pekerjaan apabila melangkah keluar dari universiti, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COB (PPA COB) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsia Pelajar Siri 1/2019 di Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar berkata, Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsia Pelajar merupakan hasil kerjasama dengan lima pusat pengajian dibawah UUM COB iaitu Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz

(TISSA), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) serta Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) yang akan diadakan pada setiap hari Selasa sepanjang bulan Mac ini.

Menurutnya, bengkel tersebut memberikan motivasi dan pendedahan kepada pelajar tentang cabaran kerjaya masa kini yang akan dikongsikan daripada pihak industri dan profesional.

Katanya, untuk siri pertama itu, pihaknya telah bekerjasama dengan STML yang mana bengkel tersebut menampilkan Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Supt. Mohd Ismail Ibrahim.

“Dalam sesi ini, beliau telah berkongsi tentang cabaran kerjaya seorang anggota polis dan keselamatan awam.

“Saya berterima kasih kepada Polis DiRaja Malaysia kerana memberikan kerjasama bagi menjayakan program julung kali ini, malah turut mengalukan kerjasama kolaborasi strategik ini pada masa hadapan,” katanya.

Program yang berlangsung selama lebih dua jam itu turut menerangkan tentang risiko jenayah siber yang banyak terjadi dalam kalangan belia.

Sementara itu, pelajar program Pengurusan Teknologi, Nur Shamiera Anies Razali berkata, menerusi bengkel itu dia dapat menimba lebih banyak ilmu terutama berkaitan kerjaya sebagai seorang pegawai polis dan cara melindungi diri daripada jenayah.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni STML, Dr. Fadhilah Mohd Zahari; pensyarah STML dan pegawai PPA COB.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.